

11 September 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERJA PEMBAIKAN PAIP SEMALAMAN: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 JAM DI BEBERAPA KAWASAN DI BUTTERWORTH DAN SEBERANG PRAI UTARA PADA 17/9/2017 DAN 18/9/2017.

- **Tempoh: 10.00 malam Ahad, 17/9/2017 – 10.00 pagi Isnin, 18/9/2017.**
- **Menjejaskan: 46,000 orang (tiada bekalan air) dan 52,000 orang (tekanan air rendah).**
- **Sebab: Pemasangan injap pengurang tekanan (PRV) pada saluran paip keluli lembut 600mm di Jalan Pekan Darat, Seberang Prai Utara, bagi mengurangkan kejadian pecah paip, kebocoran bawah tanah dan kehilangan air tanpa hasil (NRW).**

PULAU PINANG, Isnin (11/9/2017): Satu saluran paip air utama keluli lembut (*mild steel*) 600mm di Jalan Pekan Darat di Butterworth akan "ditutup" sementara selama semalaman 12 jam bagi menjalankan kerja-kerja paip.

"Penutupan" ini perlu bagi membolehkan pemasangan injap pengurang tekanan (PRV) di saluran paip di Jalan Pekan Darat di Seberang Prai Utara (SPU).

Tujuan utama PRV adalah untuk mengurangkan tekanan air di saluran paip agihan yang lebih kecil di SPU dan Seberang Prai Tengah (SPT). Dengan berbuat demikian, ia akan mengurangkan kejadian pecah paip, kebocoran bawah tanah dan kehilangan air tanpa hasil (NRW).

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, PBAPP telah mengepam air terawat dengan tekanan yang lebih tinggi dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di SPU, melalui dua saluran utama 1350mm, untuk memenuhi permintaan air yang semakin meningkat di Seberang Prai dan Pulau Pinang. Ini selaras dengan visi PBAPP untuk memenuhi semua keperluan bekalan air Pulau Pinang, 24/7, serta dasar "tiada catuan air" Kerajaan

Negeri Pulau Pinang.

Sungguhpun tekanan tinggi menyalurkan lebih banyak air dengan pantas melalui saluran paip utama, ia secara tidak sengaja menyebabkan pecah paip, kebocoran bawah tanah dan kerugian NRW yang lebih tinggi dalam saluran paip yang lebih kecil di kawasan sekitarnya.

PRV akan membolehkan PBAPP untuk mengurangkan tekanan air hanya kepada paip yang lebih kecil dalam SPT dan SPU, sementara membolehkan LRA Sungai Dua mengepam air pada tekanan yang tinggi di sepanjang saluran paip utama. Ia sebagai penyelesaian kejuruteraan segera bagi mengekalkan kecekapan bekalan air di tanah besar dan pulau.

Gangguan Bekalan Air Berjadual: Kawasan Terjejas

Paip 600mm ditutup bagi membolehkan pemasangan PRV akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 12 jam, dari 10.00 malam pada hari Ahad, 17/9/2017, hingga 10.00 pagi pada hari Isnin, 18/9/2017.

Sekitar 46,000 orang akan mengalami bekalan air manakala 52,000 orang lagi akan mengalami tekanan air rendah.

Semua penduduk di kawasan berikut dinasihati untuk menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan semalaman:

(A) KAWASAN "TIADA BEKALAN AIR"			
Seberang Prai Utara (SPU)			
1	Jalan Gelung Bubu	5	Kampung Gelang Bubu
2	Kampung Tok Bidan	6	Kampung Paya Ptg. Tok Gelam
3	Jalan Ptg. Tok Gelam	7	Permatang Benuan
4	Kampung Hj. Murshid		
Butterworth			
8	Taman Perkasa	17	Taman Sri Pinang
9	Kampong Paya Terbakar	18	Taman Maklom
10	Taman Selayang Utama	19	Alor Merah
11	Taman Selayang Permai	20	Sungai Lokan
12	Taman Selayang Oren	21	Permatang Che Tak
13	Tanah Lot Kpg. Benggali	22	Kampung Teluk Sg. Dua
14	Taman Ketapang Sg. Puyu	23	Jalan Permatang Tok Jaya
15	Taman Selayang	24	Stesen tol Sungai Dua
16	Taman Selayang Indah	25	Taman Mahsuri

(B) KAWASAN TEKANAN AIR RENDAH			
Seberang Prai Utara (SPU)			
1	Pasir Gebu	22	Kampung Lahar Kepar
2	Permatang Gawa	23	Kampung Padang
3	Jalan Kuala Muda	24	Jalan Permatang Kuang
4	Taman Kuala Muda	25	Kuala Bekah
5	Bakau Tua	26	Taman Kuala Bekah
6	Pulau Mertajam	27	Penaga
7	Permatang Keriang	28	Taman Penaga Permai
8	Kota Aur	29	Taman Penaga
9	Permatang Bendahari	30	Rumah Murah Penaga
10	Jalan Rantau Panjang	31	Jalan Bakar Kapor
11	Kampung Sungai Kedak	32	Kampung Padang Tembusu
12	Kampung 20 Permatang Rawa Tepi Laut	33	Jalan Bawah Penaga
13	Kampung Gurun	34	Kampung Lembah Penaga
14	Kampung Tok Loba	35	Kampung Permatang Janggus Penaga
15	Permatang Pak Elong	36	Jalan Lahar Minyak
16	Permatang Sintok	37	Kampung Lahar Minyak
17	Jalan Butterworth	38	Jalan Guar Kepah
18	Permatang Pak Maras	39	Pengkalan Bongor
19	Jalan Permatang Rambai	40	Permatang Kabu
20	Lahar Ikan Mati	41	Permatang Tok Berin
21	Jalan Lahar Kepar		
Butterworth			
42	Jalan Sheikh Madar	47	Jalan Padang Benggali
43	Telok Air Tawar	48	Taman Air Tawar Indah
44	Taman Sejahtera	49	Taman KGN Telok Air Tawar
45	Jalan Tengku Putra	50	Jalan Telok Air Tawar
46	Jalan Bagan Belat	51	Titi Mukim Telok Air Tawar

Sila rujuk pada peta di 'Appendix A' yang menunjukkan semua kawasan terjejas.

Harap maklum bahawa ini adalah gangguan bekalan air berjadual untuk membolehkan kerja-kerja air penting bagi manfaat pengguna bekalan air di SPU dan SPT.

Kerja pemasangan PRV dijadualkan dilakukan semalaman bagi meminimumkan kesulitan kepada semua pengguna yang terjejas.

PBAPP memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku. Kami menasihati semua pengguna yang terjejas untuk menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan dari jam 10.00 malam hari Ahad, 17/9/2017, hingga 10.00 pagi hari Isnin, 18/9/2017.

Terima kasih.


Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

KEDAH



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



Appendix 'A':
**OVERNIGHT PIPE WORKS :
12-HOUR SCHEDULED WATER
SUPPLY INTERRUPTION IN
BUTTERWORTH AND
SEBERANG PRAI UTARA AREAS**
17/9/2017, 10 pm - 18/9/2017, 10 am

Affected Areas

- No Water Supply
- Low Water Pressure

**Pemasangan
PRV 600mm**